

07/01/1997

Tabungan negara dijangka naik

KADAR tabungan negara dijangka meningkat kepada 41.2 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) Malaysia tahun ini berbanding 38.8 peratus KNK pada 1996.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah, berkata walaupun kadar simpanan Malaysia adalah tinggi, paras pelaburan lebih tinggi iaitu pada 45.1 peratus daripada KNK.

"Berikutan itu, wujud keperluan untuk menggalakkan kadar tabungan negara pada paras yang lebih tinggi supaya dapat mengurangkan pengalihan kepada simpanan asing terutama pinjaman luar untuk membiayai pelaburan nasional," katanya sebelum melancarkan unit amanah kedua Pacific Mutual Fund, Pacific Pearl Fund, di Kuala Lumpur.

Wong berkata, menjelang tahun 2020 kerajaan menjangkakan dana unit amanah akan menyumbang kira-kira 40 peratus kepada permodalan pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur dan akan mencatatkan pertumbuhan 30 peratus.

Katanya, kini industri unit amanah termasuk dana yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB), cuma menyumbang 7.5 peratus daripada permodalan pasaran BSKL berbanding 30 peratus dan lebih dalam pasaran maju.

Menurut beliau, perkongsian dana unit amanah yang diuruskan oleh sektor swasta tidak termasuk PNB, hanya menyumbang 1.4 peratus kepada permodalan pasaran saham.

Beliau berkata, pembangunan seterusnya industri unit amanah akan membantu mencapai kadar simpanan nasional yang lebih tinggi.

Penubuhan sebuah jawatankuasa Kabinet dan pelancaran kempen galakan menabung baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan menyokong kadar tabungan negara.

Langkah lain termasuk memberi galakan kepada industri unit amanah termasuk pengliberalan skim pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membolehkan pencarum melabur dalam dana amanah yang diluluskan melalui Skim Pelaburan Pencarum KWSP.

Satu langkah besar ialah penggubalan Peraturan (Skim Unit Amanah) Suruhanjaya Sekuriti 1996 untuk memastikan bahawa industri dimajukan dalam cara yang lebih berkesan dan lebih cekap. - Bernama

(END)